



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PERAKUAN SIAP KERJA (CPC)
DAN PERUNTUKAN BAGI PROGRAM BLACKSPOT,
LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS LAMPU ISYARAT
(LPKSI) DAN ARAHAN KERJA (AK) SERTA
PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI
PROJEK JALAN**

**16 OKTOBER 2025 | KHAMIS | 9.00 PAGI
WISMA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

<<< Salutati akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana pada hari ini kita semua diberi peluang untuk sama-sama berkumpul dalam Majlis Penyerahan Perakuan Siap Kerja (CPC) dan Peruntukan Bagi Program *Blackspot*, Lintasan Pejalan Kaki Searas Lampu Isyarat (LPKSI) dan Arahan Kerja (AK) Serta Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Jalan.
2. Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia atas jemputan dan juga ucapan tahniah kepada pihak kontraktor dan konsesi yang terlibat.

Hadirin yang saya hormati,

3. Saban tahun, KKR merupakan antara kementerian yang menerima peruntukan pembangunan tertinggi Kerajaan, khususnya bagi tujuan penyenggaraan dan pelaksanaan naik taraf infrastruktur Jalan Persekutuan di seluruh Semenanjung Malaysia. Peruntukan ini jelas mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan

rangkaian jalan raya sentiasa berada pada tahap optimum, selamat serta mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

4. Kementerian Kerja Raya (KKR) telah memperuntukkan sebanyak RM2.446 billion bagi Program Peyenggaraan Jalan pada 2025 dan sehingga September 2025, sebanyak RM1.324 billion telah dibelanjakan di bawah Program Berkala Pavemen, Berkala Bukan Pavemen, Lampu Isyarat dan Peyenggaraan Jambatan termasuk komitmen sebanyak RM37.0 juta di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Komitmen ini melibatkan 109 bilangan kerja yang merangkumi 76 bilangan kerja di bawah Program *Blackspot* dan 33 bilangan kerja di bawah Program Membina Lintasan Pejalan Kaki Searas Lampu Isyarat (LPKSI).
5. Justeru, pada hari ini kita bakal menyaksikan penyerahan Perakuan Siap Kerja (CPC) kepada 77 kontraktor bagi Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya dan 1,402 Perakuan Siap Kerja (CPC) untuk Program Peyenggaraan secara Arahan Kerja (AK) kepada empat (4) konsesi yang dilantik bagi pelaksanaan Kerja Peyenggaraan Jalan. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan bukan sahaja membina, tetapi juga menyenggara dan menambah baik Jalan Persekutuan secara berterusan dan menyeluruh.

6. Umum mengetahui bahawa Program *Blackspot* adalah antara inisiatif strategik KKR bagi mengurangkan kadar kemalangan di lokasi berisiko tinggi berdasarkan data kemalangan yang dikumpul daripada pelbagai agensi. Secara amnya, program ini dilihat berkesan dalam strategi kementerian dan mampu meningkatkan tahap keselamatan awam dengan jumlah purata sehingga 80%.
7. Dalam memastikan jalan raya kita mesra untuk semula lapisan pengguna, Program Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Lampu Isyarat (LPKSI) turut diperkenalkan menerusi KKR. Melalui inisiatif ini, lintasan sejaras dilengkapi lampu isyarat khas dibina di kawasan-kawasan yang melibatkan institusi pendidikan dan pusat kesihatan melibatkan lokasi di mana pergerakan pejalan kaki adalah tinggi.
8. Selain itu, KKR melalui JKR Malaysia turut memberi fokus kepada Pembangunan Baharu Berimpak. Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan melalui KKR dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memperuntukkan RM2.6 billion bagi projek-projek di Negeri Sembilan.

Hadirin sekalian,

9. Majlis hari ini turut memberi tumpuan kepada projek pembangunan infrastruktur baharu yang akan menjadi pemangkin pembangunan dan penghubung utama komuniti setempat. Pada hari ini juga, kita turut berpeluang untuk menyaksikan serahan Surat Setuju Terima (SST) dan Lantikan Pegawai Penguasa bagi projek penting iaitu:
 - i. Projek Benta Link yang menghubungkan Jalan Central Spine Road (CSR), Pakej 4, dengan Jalan Persekutuan FT08 di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR);dan dua (2) projek penggantian jambatan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
 - i. Projek Membina Jambatan Baharu Di Kampung Bemban, Jelevu, Negeri Sembilan; dan
 - ii. Projek Membina Jambatan Stulang Daeng, Pulau Gadong, Melaka Tengah, Melaka
10. Untuk makluman bersama jua, Jambatan lama di Kampung Bemban, Jelevu, Negeri Sembilan telah runtuh semasa kejadian banjir besar pada 19 Disember 2022 dan kini digantikan dengan jambatan *bailey* sebagai akses penghubung sementara untuk kemudahan orang

awam. Oleh itu, pembinaan jambatan baharu ini dapat menyediakan jaringan perhubungan yang lebih selesa dan selamat kepada penduduk setempat.

11. Pelaksanaan program-program penyenggaraan dan projek-projek di bawah seliaan JKR kini merangkumi spektrum yang luas. Program *Blackspot*, Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Lampu Isyarat (LPKSI) dan Arahan Kerja (AK), hanya lah sebahagian daripada tugas besar KKR dan JKR Malaysia. Walau bagaimanapun program-program sebegini lah yang mampu memberi kesan terus kepada peningkatan keselamatan dan keselesaan pengguna di Jalan Persekutuan dan memberi impak segera untuk dimanfaatkan oleh rakyat.
12. Hal ini terbukti apabila program seumpama ini melibatkan penyertaan sebanyak 1,962 kontraktor secara langsung bersama ratusan tenaga kerja. Secara tidak langsung, ia turut membuka peluang pekerjaan dan menjana aktiviti ekonomi setempat, sekali gus menggerakkan ekonomi akar umbi melalui pelaksanaan projek infrastruktur.

Hadirin sekalian,

13. Dalam era digital kini, penyenggaraan jalan raya tidak lagi bergantung semata-mata kepada laporan teknikal di lapangan. Platform **MYJalan**, yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Ogos 2023, kini

memainkan peranan penting sebagai jambatan antara rakyat dan kerajaan dalam menyalurkan aduan serta maklumat berkenaan keadaan jalan raya dan infrastruktur awam di seluruh negara.

14. Melalui MYJalan, lebih 40,000 aduan telah diterima melibatkan pelbagai kategori termasuk kerosakan jalan, lampu jalan, longkang, papan tanda, serta kemudahan awam lain. Data-data yang dikumpul melalui sistem ini bukan sahaja membantu KKR dan agensinya mempercepatkan tindakan penyenggaraan, malah turut menjadi asas kepada perancangan strategik kementerian dalam menentukan keutamaan kerja baik pulih dan peruntukan tahunan.
15. Saya ingin menyeru agar kerajaan negeri dan PBT dapat bersama-sama menggerakkan MYJalan di peringkat masing-masing, kerana penyenggaraan jalan bukan tanggungjawab satu pihak semata-mata — ia tanggungjawab bersama untuk keselamatan rakyat.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya tekankan usaha yang dilaksanakan ini secara tidak langsung menggambarkan komitmen berterusan KKR dan JKR Malaysia dalam memastikan setiap inisiatif pembangunan dan penyenggaraan jalan raya dilaksanakan dengan berkesan. Besar harapan saya agar semua yang dirancang oleh kementerian dan agensi sentiasa diterima baik oleh semua pihak

selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam memperkukuh jaringan jalan raya yang efisien, inklusif dan holistik.

17. Dengan ini saya sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan Perakuan Siap Kerja (CPC) dan Peruntukan Bagi Program *Blackspot*, Lintasan Pejalan Kaki Searas Lampu Isyarat (LPKSI) dan Arahan Kerja (AK) Serta Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Bagi Projek Jalan.

Sekian, terima kasih.